بنك معاملات Bank Muamalat

AL MUAMALAT المعاملات

PENA SYARIAH BANK MUAMALAT ◆ VOLUME 03 ◆ KDN: PP 17034/10/2011(028879)

Perbezaan antara perbankan

ISLAM DAN KONVENSIONAL

Oleh: Ustaz Mohd Hafiz Hj. Fauzi & Ustaz Mohd Fadhli Mohd Faudzi*

PERBANKAN ISLAM 1Malaysia PIDM

Ahli kumpulan DRB-HICOM

بنك معاملات
Bank Muamalat

i-muamalat
...bersama Anda

Daftar sekarang dengan sistem perbankan internet
i-muamalat bagi memudahkan urusan perbankan anda.

www.i-muamalat.com.my

PIDM

www.muamalat.com.my
1300 88 8787

Ahli kumpulan
DRB-HICOM

SIDANG REDAKSI

Advisor
Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Chief Editor
Mohd Hafiz Haji Fauzi

Editors
Mohd Fadhli Mohd Faudzi
Nurul 'Asyiqi Mohamed Salim
Nurul Huda Zainal
Hazrul Rashid
Nurul Aiman Abdul Basik
Muhamad Fadli Abdullah

Graphic Designer
Ahmad Adhha Zainudin

Publisher
Corporate Communications Department, 5th Floor, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

Printed by
SEPANTAS KURNIA (M) SDN BHD
408007-V
50, Jalan Seri Aman
Taman Seri Aman,
Batu 8, 43200 Cheras
Selangor



YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI MOHD REDZA SHAH ABDUL WAHID

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, puji-pujian hanya layak bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat Baginda S.A.W.

Di antara perkara yang ajaran Islam berusaha tegakkan adalah atau suasana yang solehah (al-biah al-solehah). Kewujudan persekitaran yang baik dan takwa akan mempengaruhi pembentukan jiwa dan akhlak penghuni yang berada dalamnya.

Insan apabila hidup dalam sesuatu suasana, secara kebiasaannya suasana itu akan mempengaruhinya. Jika seseorang yang kurang bijak hidup di kalangan mereka yang bijak, maka sedikit sebanyak bicara dan pendapat yang bijak dan berkualiti itu akan tempias kepadanya. Nabi S.A.W. menyebut dalam hadis yang bermaksud:

"Seseorang berada atas agama sahabat baiknya. Maka hendaklah seseorang kamu memerhatikan siapakah dia jadikan teman rapatnya." (Riwayat Ahmad, dinilai Hasan oleh al-Albani)

Di atas kepentingan membentuk atau mewujudkan suasana yang soleh ini, maka tidak hairanlah jika Allah menugaskan antara tanggungjawab kita agar memelihara iklim dan persekitaran agar dihiasi dengan perkara-perkara yang terpuji dan dipelihara dari kemungkaran yang nyata lagi mencemarkan masyarakat. Sabda Nabi S.A.W maksudnya:

"Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia ubah dengan tangannya, sekiranya tidak mampu maka dengan lidahnya, sekiranya tidak mampu maka dengan hatinya. Itu adalah selemah-lemah iman".

(Riwayat Muslim)

Marilah kita bina iklim takwa.
Sekian, Wassalam.

Sejenak Bersama...

YM Al-Fadhil Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali
Ahli Jawatankuasa Syariah,
Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan izin-Nya, maka majalah al-Muamalat ini dapat diterbitkan atas usaha pihak Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Syariah. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para sahabat, tabi' dan tabi'in serta para ilmuan yang sentiasa mencintai ilmu dan terus menerokai dan menjejakinya. Jutaan terima kasih juga kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata di dalam majalah ini.

Majalah ini merupakan wadah kepada BMMB untuk menyebarluaskan kepada kakitangan tentang fungsi dan maklumat-maklumat berkaitan perbankan Islam khasnya dan agama Islam amnya. Sebagaimana yang kita ketahui, sistem perbankan Islam di Malaysia telah berkembang pada tahap tertinggi, menjadikan Malaysia kini peneraju sistem perbankan Islam di dunia. Dengan ini, masyarakat harus bijak memilih sistem perbankan yang mampu memberi kemudahan di dunia dan akhirat.

Pencapaian di dalam sektor perbankan Islam bukanlah dicapai dengan mudah malahan ianya pasti memerlukan perancangan yang teliti dan penuh berhikmah. Peningkatan yang begitu memberangsangkan ini dapat direalisasikan melalui pendekatan yang menyeluruh sama ada dari aspek polisi perbankan dan juga perlaksanaan undang-undang yang efektif.

Akhir kalam, diharapkan majalah ini dapat menjadikan maklumat yang diperolehi sebagai sumber yang berguna untuk sama-sama dikongsi bagi memepertingkatkan lagi imej Bank Muamalat seterusnya imej Islam itu sendiri, InsyaAllah. Justeru itu, kita haruslah bergerak bersama-sama bagi meneraju perubahan yang positif bagi bank ini. Wallahu'alam.

Sekian, terima kasih.

SENGAT CIK LEBAH

Di sebuah balairaya...

***La ni macam ni sheikh*, anta tak tahu belajarlah. Jangan buat-buat tahu dan jadi orang bodoh yang sombong. Dia tak tahu, dan sampai bila-bila pun tak tahu.**

***Betoi tu sheikh*, terima kasih anta ingatkan *ana*. *Ana* kena banyak rujuk kepada orang yang mahir dalam bidang dia la *sheikh*.**



LAMAN WAHYU

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya".

(Al-Baqarah: 275)

Pengajaran ayat:

1. Allah telah memberikan panduan kepada manusia dalam menguruskan harta kekayaan yang dianugerahkan oleh-Nya. Tidak dapat tidak, kita sebagai hamba Allah mestilah mengikuti apa yang digariskan-Nya dalam menguruskan harta.

2. Dalam konteks bermuamalah, Islam memberikan kelonggaran dan kemudahan yang luas, selagi mana ianya tidak melanggar prinsip-prinsip ataupun larangan-larangan yang ditetapkan. Larangan utama yang ditegah oleh syarak dalam bermuamalah sesama manusia ialah amalan memakan riba.

3. Terdapat banyak pilihan perbankan Islam yang wujud pada masa kini. Maka, berhentilah mengambil perbankan yang berpaksikan riba kerana ia adalah perintah Allah sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Baqarah yang bermaksud, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan tentang larangan riba demi Tuhannya, maka berhentilah.

Sifat-sifat Mazmumah (Tercela), menurut Imam al-Ghazali:

1. Gemar makan dan minum.
Terdapat hadis yang diriwayatkan daripada Nabi S.A.W, maksudnya:

"Yang terlebih afdhal (utama) pada (pandangan) Allah itu ialah orang yang banyak berlapar dan banyak tafakur (berfikir sambil meneliti). Dan yang terlebih benci pada (pandangan) Allah itu ialah orang yang banyak makan, banyak tidur dan banyak minum."

2. Banyak berkata yang sia-sia.
Firman Allah S.W.T di dalam surah an-Nisa':114), maksudnya:

"Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan daripada orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat makruf, atau mendamaikan antara manusia."

3. Hasad, dengki dan iri hati.
Terdapat hadis yang diriwayatkan daripada Nabi S.A.W, maksudnya:

"Hasad itu memakan (memusnahkan) kebajikan, sebagaimana api memakan (membakar) kayu."

Tokoh Ekonomi Islam

PEMIKIRAN EKONOMI IBN QAYYIM

Oleh: Dr. Joni Tamkin Borhan*

Sambungan…perkara kedua daripada lima perkara utama pemikiran Ibn Qayyim dalam ekonomi…

2. Pandangan Ibn Qayyim tentang kekayaan dan kemiskinan

Penyebaran pengaruh tasawuf yang meluas pada masa Ibn Qayyim mengakibatkan masyarakat melupakan kehidupan duniawi dan menumpukan terus kepada kehidupan ukhrawi. Fahaman yang salah ini menyebabkan orang ramai hidup dalam kemiskinan dan kepapaan kerana bagi mereka harta kekayaan itu adalah kehidupan dunia yang sementara dan tidak perlu dicari. Untuk membetulkan salah faham ini, Ibn Qayyim cuma sedaya upaya supaya masyarakat Islam yang sewaktu dengannya kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya iaitu perimbangan antara kehidupan dunia dan kehidupan akhirat. Lebih lanjut lagi supaya masyarakat dapat menyeimbangkan antara pemilikan kekayaan dan kehidupan kemiskinan.

Ibn Qayyim berhujah bahawa kekayaan yang dimiliki oleh seseorang itu membolehkannya melaksanakan semua jenis amalan kebaikan dengan mudah seperti menunaikan haji, jihad, membina masjid dan terusan, memberikan hadiah, berkahwin, pembebasan tawanan, perbelanjaan yang wajib dan sunat dan sebagainya. Mereka yang sependapat dengan Ibn Qayyim juga berpendapat bahawa ramai contoh-contoh di kalangan sahabat dan mereka yang berkedudukan tinggi pada waktu Nabi Muhammad SAW terdiri daripada orang kaya. Dengan kekayaan itu mereka membuat pelbagai sumbangan dan penglibatan dalam jihad serta membantu orang-orang Islam yang lain.

Selanjutnya dalam hal ini Ibn Qayyim berpendapat iaitu "daripada kalangan orang kaya dan orang miskin, yang paling disukai adalah makhluk yang bertaqwa pada Allah dan dia melebihkan amanah-amanah baik. Oleh itu, orang kaya dan orang miskin adalah sama dalam asas ukuran ini." Dia juga berpendapat bahawa kekayaan dan kemiskinan adalah ciptaan Allah SWT untuk menguji hamba-hambaNya siapa yang lebih baik dalam amalan-amalannya. Kadang-kala Allah menguji seseorang dengan memberikan kepadanya kekayaan yang melimpah ruah. Pada masa yang lain seseorang itu diuji dengan kemiskinan. Kenyataan di atas adalah selari dengan prinsip asas falsafah ekonomi Islam sebagaimana yang dihuraikan oleh ahli-ahli ekonomi Islam berkenaan.

Ibn Qayyim juga mengingatkan kita supaya tidak terkeliru antara konsep kemiskinan dan kehidupan yang zuhud di dunia. Zuhud ialah antara nilai Islam yang paling penting yang disalahertikan sebagai pelepasan kekayaan dan perkara-perkara baik dalam kehidupan. Dalam penulisannya iaitu Madarij al-Salikin, Ibn Qayyim telah mengemukakan pelbagai pendapat berkenaan dengan zuhud. Beliau bertegas mengatakan bahawa zuhud bukan bererti menolak perkara-perkara duniawi. Harta benda yang banyak bukan menjadi penghalang kepada seseorang untuk menjadi insan yang warak dalam hidup mereka. Seseorang boleh mempunyai sikap membersihkan diri dan menolak perkara-perkara duniawi meskipun ia mempunyai banyak harta kekayaan, dan seseorang juga boleh memiliki sedikit sifat zuhud meskipun ia hidup dalam kemiskinan.

3. Kepentingan Ekonomi Zakat

Menurut Ibn Qayyim fungsi zakat ialah untuk membangunkan kualiti kebaikan, persaudaraan dan kebajikan. Atas alasan inilah kadar khusus zakat ditetapkan. Ia boleh mencapai tujuan ini dengan mudah tanpa menyebabkan sebarang keresahan. Jumlah bayaran zakat tidak terlalu banyak yang boleh menyebabkan pembayarnya merasa terkilan. Bayaran tersebut cukup untuk memenuhi keperluan asas golongan yang tidak berada. Jika kadar bayaran zakat itu tinggi, orang-orang yang kaya berkemungkinan mengelak dengan pelbagai cara daripada membayarnya. Jika golongan yang kaya enggan membayar zakat yang diwajibkan ke atas mereka dan golongan yang miskin tidak menerima apa yang menjadi hak kepada mereka, fungsi pembayaran zakat seperti diterangkan di atas tidak boleh dicapai.

Ibn Qayyim menulis bahawa zakat dikenakan ke atas setiap jenis harta kekayaan dan ke atas setiap barang-barang yang boleh meningkatkan pertumbuhan dan memberikan pulangan. Barang-barang untuk tujuan penggunaan seperti pakaian, rumah, peralatan, binatang tunggangan dan seumpamanya bebas daripada kewajipan dikenakan zakat. Hanya empat jenis harta sahaja yang dikenakan zakat iaitu binatang ternakan, tanaman dan buah-buahan, emas dan perak serta barang-barang dagangan.

Terdapat empat kadar zakat yang diambil berat iaitu 20% (1/5), 10% (1/10), 5% (1/20) dan 2.5% (1/40). Ibn Qayyim membincangkan dalam dua tempat dalam penulisan-penulisannya tentang kepentingan dan sebab ekonomi di sebalik kadar zakat yang berlainan. Menurut beliau, penglibatan buruh adalah pertimbangan yang diambil kira dalam penentuan kadar-kadar itu. Semakin besar jumlah buruh yang terlibat dalam sesuatu proses pengeluaran, semakin kecil kadar zakat yang perlu dibayar dan sebaliknya. Umpamanya kadar zakat ke atas tanaman yang diairi dengan air hujan ialah 10% dan 5% bagi tanaman yang diairi oleh tenaga buruh.

Selain daripada jumlah buruh yang terlibat dalam proses pengeluaran menjadi penentu kadar zakat, Ibn Qayyim juga menjelaskan faktor lain yang menyumbang kepada perkara tersebut. Antaranya ialah untuk mewujudkan konsep keadilan dalam ekonomi. Jika semua pemilikan mempunyai kadar zakat yang sama, galakan untuk berusaha dan bekerja akan hilang daripada pemilik-pemilik harta berkenaan. Juga kerana kadar peningkatan barang-barang adalah berlainan. Peningkatan dalam tanaman dan buah-buahan adalah lebih daripada peningkatan dalam barang-barang perdagangan. Kadar peningkatan yang berbeza ini memberikan kesan yang berbeza dalam cukai. Dalam kes ini cukai yang perlu dibayar oleh pengeluar barang-barang pertanian adalah lebih berbanding dengan cukai yang perlu dibayar oleh para pedagang terhadap barang-barang dagangan mereka. Pertumbuhan tanaman yang diairi oleh air hujan adalah lebih baik berbanding dengan pertumbuhan tanaman yang diairi oleh usaha manusia atau terusan atau perigi.

Abdul Azim Islahi ketika mengulas pendapat Ibn Qayyim menyatakan bahawa pendapat itu mempunyai kebenarannya pada zaman

dahulu yang hampir-hampir tidak terdapat industri berskala besar dalam bidang perniagaan. Industri yang wujud dalam industri kebanyakannya hanya dalam bentuk perniagaan kecil. Bentuk pengairan dan pertanian adalah dalam bentuk yang mudah dan tidak kompleks. Tetapi situasinya adalah berlainan dengan masa sekarang. Bentuk perniagaan domestik dan luar negara adalah dalam skala besar, dan kegiatan pertanian diuruskan menggunakan cara dan teknik yang canggih dan moden. Oleh itu, justifikasi yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim tentang perbezaan kadar kewajipan membayar zakat adalah sukar untuk diterima.

Berkenaan dengan tempoh pembayaran zakat, Ibn Qayyim menulis bahawa zakat boleh dibayar apabila cukup tempoh satu tahun pemilikan harta kecuali pada harta kekayaan yang tidak diketahui pemiliknya, zakat akan dikenakan serta merta seperti penemuan harta karun. Sementara dalam kes zakat pertanian, ia akan dikutip pada masa hasil dituai. Tempoh satu tahu yang ditetapkan oleh syariah adalah paling sesuai dan memadai untuk kutipan zakat. Jika zakat dikutip untuk tempoh bulanan dan mingguan, ia akan menjejaskan kemaslahatan pembayar zakat. Sementara jika ia dikutip sekali sahaja sepanjang hidup, ia akan menjejaskan kebajikan dan kehidupan golongan miskin. Oleh itu tempoh haul setahun qamariyyah adalah sesuai. Dalam tempoh itu, pemilik harta berkenaan boleh menggunakan hartanya pada jalan yang produktif dan mendapatkan pulangan. Sebaliknya jika zakat dibayar setiap minggu atau bulan, ia akan menyusahkan para pembayar zakat untuk membuat taksiran pada harta mereka dan bagi negara pula pengurusan kutipan dan agihan zakat akan menjadi mahal dan sukar.

Zakat yang dikutip oleh negara akan diagihkan pada mereka yang berhak untuk menerimanya. Ibn Qayyim menjelaskan bahawa terdapat lapan golongan yang berhak menerima bahagian zakat sebagaimana yang ditetapkan oleh al-Qur'an. Beliau membahagikannya kepada dua kategori. Kategori yang pertama ialah mereka yang berhak menerima zakat mengikut keperluan iaitu fakir, miskin, riqab dan ibn sabil. Kategori kedua ialah mereka yang menerimanya untuk kegunaan sendiri iaitu amil, mualaf, orang yang berhutang untuk tujuan baik dan mereka yang berjuang fi sabil Allah.

4. Bunga – riba al-fadl dan riba al-nasi'ah

Ibn Qayyim juga membincangkan persoalan riba yang menjadi teras dalam amalan perbankan dan kewangan konvensional dan beliau menyatakan amalan riba amat bertentangan dengan amalan zakat dan sedekah. Ibn Qayyim memetik ayat 276 dalam surah al-Baqarah yang bermaksud;

"Allah SWT susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah dan zakat."

Beliau membahagikan riba kepada dua jenis iaitu riba al-fadl 50dan riba al-nasi'ah.51 Riba al-fadl diistilahkan juga oleh Ibn Qayyim sebagai riba al-khafi dan riba al-nasi'ah sebagai riba al-jali. Riba al-Fadl berlaku dalam urus niaga enam jenis komoditi yang ditukar sesama komoditi berkenaan secara tidak sama sukatan atau timbangan dan secara hutang. Keenam-enam komoditi tersebut ialah emas, perak, gandum, barli, tamar dan garam. Sementara riba al-nasi'ah berlaku pada transaksi hutang wang dengan wang yang dibayar secara tidak sama nilai atau jumlahnya.Umpamanya A meminjam RM100.00 daripada B dan B meminta A membayar hutang tersebut dengan jumlah yang lebih umpamanya, RM120.00.

Ibn Qayyim melarang amalan semua jenis riba kerana ia boleh member kesan buruk kepada masyarakat dan menghilangkan perasaan ihsan dan semangat tolong menolong. Sebaliknya ia boleh menimbulkan permusuhan antara individu.

5. Mekanisme Pasaran dan Penghargaan

Berkenaan dengan mekanisme pasaran Ibn Qayyim menjelaskan bahawa perjalanan pasaran hendaklah berlaku secara adil dan kerjasama terpimpin. Unsur-unsur negatif dalam pasaran yang boleh mengakibatkan kezaliman kepada para peniaga lain seperti monopoli, sorok, paksaan dan sebagainya
hendaklah diawasi oleh pihak pemerintah melalui institusi hisbah dan seumpamanya. Demikian juga dengan kes penghargaan barang-barang dan perkhidmatan di pasaran, beliau berpendapat ia hendaklah diserahkan pada pasaran iaitu berdasarkan kepada kuasa penawaran dan permintaan di pasaran.
Jika ia berjalan secara adil, kerajaan tidak boleh campur tangan membuat penetapan harga kerana ia boleh menimbulkan kezaliman kepada mereka yang terlibat dalam pasar. Sebaliknya jika unsur-unsur negatif berlaku seperti kezaliman, paksaan, manipulasi dan sebagainya yang menyebabkan harga di pasar tidak menentu, maka kerajaan harus campur tangan untuk menstabilkan harga barang-barang berkenaan untuk masalah pengguna dan peniaga.

Kesimpulan

Perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa sumbangan pemikiran ekonomi Ibn Qayyim adalah amat besar dalam perkembangan pemikiran ekonomi Islam. Beliau adalah seorang tokoh pemikir dan ulama terkenal dalam perbagai bidang disiplin ilmu termasuk ekonomi. Pemikiran beliau dalam ekonomi seperti pasaran, kawalan harga, nisbah dan sebagainya lebih dahulu dikemukakan daripada teori-teori ekonomi yang dicetuskan oleh para sarjana Barat seperti Adam Smith, Alfred Marshal, Maltus dan sebagainya.
Pemikiran dan teori ekonomi Ibn Qayyim seperti dijelaskan di atas masih lagi relevan untuk menyelesaikan pelbagai masalah ekonomi dan kewangan semasa.

Perbezaan Antara Perbankan Islam dan Konvensional

Oleh: Ustaz Mohd Hafiz Hj. Fauzi & Ustaz Mohd Fadhli Mohd Faudzi*

Pendahuluan

Kepekaan umat Islam mengenai kandungan makanan dan minuman yang ingin dibeli untuk dibekalkan ke dalam organ tubuh badan mereka semakin menjadi kesungguhan mereka. Rata-rata masyarakat Islam khususnya di Malaysia akan melihat tanda keramat 'Halal' yang disahkan statusnya oleh badan-badan Islam yang berautoriti seperti JAKIM. Penelitian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kandungan dan penyediaan makanan tersebut sememangnya dipuji oleh Islam. Hadith yang sering dijadikan hujah bagi membela pandangan tersebut ialah:

Daripada Abu Hurairah r.a. berkata, Rasulullah SAW telah bersabda: ... Seorang lelaki yang jauh perjalanan, yang kusut rambutnya lagi berdebu mukanya, menghulurkan dua tangannya ke langit (lalu berdoa): Hai Tuhanku! Hai Tuhanku! Padahal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya juga (dari) yang haram, dan (mulutnya) disuapkan dengan yang haram; maka bagaimanakah akan diperkenankan baginya (doanya)? (Riwayat Muslim)

Namun begitu, ada perkara yang masih menyelubungi kita apabila kesedaran masyarakat terhadap halal haram di dalam urusan kewangan dan perbankan masih di tahap yang amat lemah. Tidak kurang juga ada yang tidak dapat membezakan perbezaan yang wujud di dalam dua aliran dan fahaman yang berbeza di antara perbankan yang diasaskan atas dasar Islam dan perbankan konvensional yang tidak merujuk kepada Islam yang sudah bertapak begitu lama di dalam masyarakat dunia.

Hakikatnya, kepekaan terhadap tatacara urusniaga dan amalan perbankan sepatutnya perlu juga diambil perhatian yang serius setanding dengan kepekaan mereka dalam permasalahan makanan dan minuman. Ini kerana jika kepekaan berkaitan halal dan haram dalam aspek pemakanan diambil perhatian kerana adanya sumber-sumber dan dalil-dalil yang datangnya dari perintah dan suruhan Allah SWT dan RasulNya, begitu juga halnya di dalam aspek kewangan dan perbankan yang terdapat dalil-dalil yang datang dari sumber yang sama tadi, maka saranan tersebut perlu dilaksanakan sewajarnya supaya kita tidak kelihatan seolah-olah mendiskriminasikan suruhan-suruhan Allah SWT dan Rasulullah SAW tersebut.

Wujudkah perbezaan ?

Umum mengetahui bahawa memang terdapat beberapa perbezaan apabila berbicara mengenai cara hidup Islam dan cara hidup yang tidak berasaskan Islam. Begitu juga halnya dengan perbezaan di antara perbankan Islam dengan perbankan bukan Islam atau yang sering kita istilahkan sebagai Perbankan Konvensional walaupun pada pandangan mata kasar ianya kelihatan sama.

Perbezaan ini bolehlah juga diibaratkan sebagai perbezaan antara benar dan salah dan perbezaan antara hak dan bathil mengikut kacamata Islam. Firman Allah SWT dalam menggambarkan beberapa bentuk perbezaan adalah seperti berikut:

"Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya." (Surah al-Baqarah, ayat 42)

FirmanNya lagi:

Dan katakanlah: "Telah datang kebenaran (Islam) dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap"
(Surah al-Isra', ayat 81)

Berikut dinyatakan beberapa perbezaan di antara perbankan Islam dan perbankan konvensional sebagai panduan kita semua, antaranya:

1. Bertunjangkan Aqidah Islamiyyah

Perbankan Islam

Perbankan Islam bertunjangkan Aqidah Islamiyyah yang jitu kepada Allah S.W.T. Ini adalah kerana kita mengi'tiraf bahawa Allah SWT sebagai Pencipta kita dan Tuhan yang WAJIB disembah dan dipatuhi. Maka, segala dasar dan peraturan yang telah digariskan oleh Allah S.W.T. dalam segenap aspek kehidupan juga adalah menjadi WAJIB untuk diikuti kerana kita tiada pilihan lain lagi.

Perbankan Konvensional

Ini sangat-sangat berbeza dengan perbankan bukan Islam/ konvensional yang seolah-olah tiada kaitan Aqidah dalam urusniaga mereka. Ianya terbukti dengan pelanggaran hukum-hukum Allah SWT yang antaranya sudah terlalu jelas telah dinyatakan di dalam dalil-dalil yang Qat'ieatu ath-Thubut (قطعية الثبوت) yang terang-terang diharamkan di dalam Islam. Jadi, ianya seolah-olah tidak mengi'tiraf Allah S.W.T. sebagai Tuhan yang membuat dasar dan peraturan kehidupan manusia.

2. Dasarnya Iman dan Taqwa

Perbankan Islam

Perkara kedua yang ingin dijelaskan di sini ialah perbankan Islam dibina di atas dasar Iman dan Taqwa kerana pelaksanaan Sistem Islam ini jika tiada Iman dan Taqwa di dalam diri, maka setiap peraturan Allah SWT akan rasa berat untuk dilaksanakan. Ini jelas dengan perangai sebahagian manusia yang banyak mereka-reka alasan demi untuk melepaskan diri daripada tuntutan dan peraturan Islam.

Perbankan Konvensional

Manakala, perbankan konvensional dibina di atas dasar pemikiran manusia yang diketahui amat terbatas dan dipimpin oleh hawa nafsu manusia yang tidak dipandu dengan nilai Iman & Taqwa. Sebab itulah kita lihat di dalam cara pengendalian perbankan konvensional, banyak perkara yang tidak senada dan sehaluan dengan kehendak Islam berlaku. Wallahu'alam.

3. Perihal Pahala dan Dosa

Perbankan Islam

Perbezaan yang ketiga íalah perbankan Islam menitikberatkan permasalahan Sam'iyyat iaitu antaranya yang berkaitan dengan permasalahan Pahala dan Dosa. Oleh kerana itulah, setiap aktiviti yang dilakukan, sebagai contoh; merekabentuk produk-produk yang baru dan merangka garis panduan sesuatu produk, BMMB misalnya akan memfokuskan persoalan Halal dan Haram sesuatu urusniaga yang ingin dilaksanakan. Ianya terbukti dengan wujudnya Majlis Penasihat Syariah dengan bantuan Sekretariat Syariah di peringkat dalaman bank yang sedaya upaya menapis segala bentuk larangan yang telah ditetapkan oleh Islam demi melahirkan sebuah produk atau urusniaga yang bertepatan dengan kehendak Allah S.W.T. yang sebenarnya yang bakal membawa natijah pengakhiran hidup kita samada menikmati Syurga Allah S.W.T. ataupun menghuni NerakaNya (Wana'uzubillah).

Perbankan Konvensional

Ini berlainan dengan perbankan bukan Islam yang tidak menilai urusniaga mereka dengan nilaian kacamata Allah S.W.T. Seolah-olah tidak menyedari bahawa segala urusniaga yang dilakukan akan dicatit oleh para Malaikat Allah S.W.T. Samada beroleh Pahala atau Dosa. Kelonggaran dalam penelitian yang sewajarnya terhadap persoalan Pahala dan Dosa ini bakal mengakibatkan kita tiada hubungan langsung dengan Pencipta kita. Ini boleh membawa kepada hilangnya kasih-sayang Allah S.W.T. kepada kita.

4. Bermatlamatkan Redha Allah SWT

Perbankan Islam

Seterusnya, perbezaan yang keempat ialah dari segi tujuan dan matlamat utama perbankan Islam ditubuhkan adalah untuk mengecapi matlamat keredhaan Allah S.W.T. semata-mata. Justeru, menyedari akan hakikat tersebut, maka setiap urusniaga yang dijalankan akan berpayungkan kehendak Islam. Jangan salah sangka pula bahawa dengan bermatlamatkan Allah S.W.T., kita tidak dibenarkan sama sekali mengecapi keuntungan sebagaimana yang difahami oleh segelintir masyarakat kita, bahkan ianya dituntut supaya dapat menyumbangkan manfaaat yang besar kepada masyarakat, namun perlulah ikut caranya sebagaimana yang telah digariskan dalam Islam.

Perbankan Konvensional

Hal ini berbeza dengan perbankan bukan Islam di mana, mereka hanya mencari keredhaan manusia yang jika tidak dipandu dengan panduan Ilahi akan membawa kepada kecelakaan di dalam kehidupan mereka. Ini terbukti dengan keengkaran dalam mentaati perintah Allah S.W.T. dalam urusniaga demi semata-mata untuk mengejar keuntungan duniawi.

5. Sumber Rujukan

Perbankan Islam

Sesungguhnya perbankan Islam menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber rujukannya. Ini kerana 'manual' yang Allah S.W.T. sediakan kepada makhluq yang bernama manusia ini ialah al-Quran itu sendiri dan Nabi S.A.W. memberikan contoh bagaimana mengendalikan 'manual' tersebut sepanjang hidup di dunia ini. Maka adalah salah jika meninggalkan 'manual' yang Allah S.W.T. sudah tetapkan ke atas umat manusia dengan mengambil 'manual' buatan sendiri yang jauh menyimpang dari jalan Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T.:

صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عَابِدُونَ

Celupan Allah (yang mencorakkan seluruh kehidupan kami dengan corak Islam) dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? (Kami tetap percayakan Allah) dan kepadaNyalah kami beribadat.

Surah al-Baqarah, ayat 138

Nabi S.A.W. yang dikasihi juga ada bersabda:

عن ابن عباس أن رسول الله صلى الله عليه وسلم : ... فاحذروا إني قد تركت فيكم ما إن اعتصمتم به فلن تضلوا أبدا كتاب الله وسنة نبيه.

Maka ingatlah kamu semua! Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kamu semua (suatu perkara), di mana jika kamu semua berpegang teguh dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya; iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya.

Riwayat al-Hakim dan Sheikh al-Albani menyatakannya Hadith Sohih

Sidang pembaca yang dihormati! Bagaimana sesuatu transaksi itu menjadi Halal atau Haram adalah dengan merujuk kepada dua sumber utama tadi. Bukan melabelkan yang itu Halal dan yang itu Haram berdasarkan kepada hawa nafsu manusia. Golongan seperti ini ditempelak oleh Allah S.W.T. sebagaimana yang digambarkan di dalam Surah an-Nahlu ayat 116 :-

وَلا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لا يُفْلِحُونَ

Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: Ini halal dan ini haram, untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah S.W.T.; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah S.W.T. tidak akan berjaya.

Surah an-Nahlu ayat 116

Perbankan Konvensional

Tetapi bagi perbankan Konvensional, mereka tidak meletakkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan mereka, kerana yang menjadi rujukan mereka adalah berdasarkan kepada akal dan pengalaman manusia. Bila akal dan pengalaman manusia dijadikan sebagai rujukan, maka ia terdedah dengan seribu satu macam kelemahan kerana manusia itu diciptakan dalam keadaan yang lemah. Lihat sahaja Firmanullah S.W.T. ini:

وَخُلِقَ الإِنْسَانُ ضَعِيفًا

kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.

Surah an-Nisa', ayat 28

6. Berlandaskan kaedah Fiqah Muamalat

Perbankan Islam

Perbezaan yang seterusnya ialah pemakaian kontrak yang dilaksanakan oleh perbankan Islam yang benar-benar bertepatan dengan cara pemakaian yang digariskan oleh Islam. Ini kerana Islam tidak pernah sama sekali melarang umatnya daripada mencari keuntungan, namun ia perlu dilandasi dengan cara yang betul. Dalam konteks perbankan Islam, kita tidak menggunakan cara memberi pinjaman untuk mendapatkan keuntungan kerana ia jelas mempunyai unsur riba yang sangat-sangat dilarang keras dalam Islam. Namun, Islam memberikan jalan penyelesaian dengan pemakaian kontrak seperti Kontrak Jualbeli, Kontrak Mudharabah dan Musyarakah yang boleh memperolehi keuntungan daripada penggunaan kontrak-kontrak tersebut. Walaubagaimanapun, kepatuhan Syariah terhadap sesuatu kontrak yang digunakan itu mestilah juga menjadi keutamaan bagi melahirkan produk-produk yang benar-benar Halal.

Perbankan Konvensional

Ini berbeza dengan cara perbankan Konvensional yang mengaut keuntungan yang rata-rata kebanyakannya dengan cara memberikan pinjaman. lanya memang sangat-sangat dilarang keras di dalam agama kita dan terlalu banyak nas-nas dan dalil-dalil yang melarang perkara tersebut.

7. Adil dan berkongsi manfaat

Perbankan Islam

Perbankan Islam juga menitikberatkan keadilan dan perkongsian manfaat. Istilah keadilan di sini ialah sebagaimana yang ditafsirkan dalam Islam iaitu meletakkan sesuatu di tempatnya yang betul. Keadilan di sini bukanlah dengan cara memenuhi tuntutan keadilan kepada sebelah pihak sahaja dan pihak yang lain dizalimi dan teraniaya. Keadilan dalam Islam ialah bersifat menyeluruh iaitu memenuhi keadilan ke atas semua pihak yang berkontrak. Begitu juga dengan perkongisan manfaat yang lahir daripada transaksi perbankan Islam kerana manfaat yang Allah S.W.T. kurniakan dikongsi bersama dengan pihak-pihak yang terlibat.

Ada juga dakwaan segelintir masyarakat kita yang melabelkan Perbankan Islam sebagai tidak adil dan zalim. Alasannya ialah kerana kadar keuntungan atau 'rate' yang ditawarkan oleh perbankan Islam agak tinggi. Mereka mendakwa bahawa perbankan Islam sepatutnya menawarkan kadar keuntungan yang lebih rendah atau setanding dengan kadar 'interest' yang ditawarkan oleh perbankan Konvensional. Bagi menjawab isu ini, suka ingin dinyatakan bahawa adalah memang baik

jika perbankan Islam dapat menawarkan kadar keuntungan yang lebih rendah daripada kadar yang ditawarkan oleh perbankan Konvensional dan itulah sasaran sebenar perbankan Islam bagi menakluki pasaran. Namun begitu, kemampuan untuk menawarkan kadar tersebut adalah bergantung sepenuhnya kepada kemampuan sesebuah perbankan Islam tersebut. Hakikatnya, perbankan Islam di Malaysia baru bertapak di Malaysia selama lebih kurang 20 tahun. Ini berbeza dengan perbankan Konvensional yang sudah bertapak begitu lama di dalam arena perbankan. Maka, adalah tidak adil untuk mengukur sesebuah perbankan Islam dengan neraca ukuran yang tidak tepat dan tidak munasabah.

Perbankan Konvensional

Bagi perbankan bukan Islam/konvensional pula, konsep keadilan dalam amalan urusniaga yang terkeluar dari orbit Islam menyebabkan keadilan itu tidak dapat diserlahkan. lanya terbukti dengan amalan dan praktis riba yang dilaksanakan mengakibatkan keadilan dan perkongsian manfaat itu tidak dapat dilahirkan dan dizahirkan. Selain itu, kadar 'interest' yang ditawarkan oleh perbankan konvensional adalah bergantung juga kepada Kadar Pinjaman Asas atau 'Base Lending Rate' (BLR) yang sifatnya tidak tetap.
Mengikut faktanya, tatkala berlakunya krisis ekonomi sebagai contoh sekitar tahun 1997, kadar peratusan BLR melonjak naik dengan begitu ketara sekali. Hal ini mengakibatkan, rakyat pada ketika itu hidup dalam penderitaan yang ketara akibat terpaksa membayar pinjaman dengan kadar 'interest' yang begitu tinggi sebagaimana perubahan BLR yang berlaku ketika itu. Keadilan tidak dapat ditegakkan lagi kerana 'periuk nasi' bank-bank tersebut perlu dijaga terlebih dahulu.

Sedar atau tidak, perbankan Islam yang dlabelkan sebagai 'tidak adil dan zalim' oleh segelintir masyarakat tidak sama sekali mengambil kesempatan tersebut ke atas pelanggan mereka. Ini kerana di awal kontrak lagi telah menetapkan harga jualannya, tanpa terikat dengan BLR dan tidak akan naik malah mungkin boleh turun sekiranya perbankan Islam bermurah hati memberikan rebate (ibra') apabila pihak pelanggan ingin membuat penyelesaian hutang awal 'early settlement'.

Kesimpulannya marilah kita berusaha menjadikan diri disenangi dan disayangi oleh Tuhan kita, Allah Rabbul Jalali Wal Ikram. Dan berusahalah untuk menjauhkan diri kita daripada terjebak dengan perkara-perkara yang diharamkan olehNya. Wallahua'lam.

* Ustaz Mohd Hafiz Hj. Fauzi merupakan Ketua Jabatan Syariah BMMB, manakala Ustaz Mohd Fadhli Mohd Faudzi pula sebagai Penolong Ketua Jabatan Syariah BMMB

RINGKASAN PRODUK KONSUMER

Muamalat mCash-i tawarruq

1. PENGENALAN

1.1 Produk ini ditawarkan bagi membiayai modal kerja pelanggan dan bercirikan pembiayaan pusingan (revolving). Ia berkonsepkan Tawarruq yang bermaksud penjualan sesuatu barang kepada pembeli secara harga tertangguh. Pembeli kemudiannya menjual barang tersebut kepada orang ketiga secara tunai pada harga kurang daripada harga tertangguh dengan tujuan mendapatkan wang tunai.

2. KONTRAK/PRINSIP SYARIAH

2.1 "Al-Murabahah" yang bermaksud akad jualbeli aset yang harga jualannya termasuk kos belian dan margin keuntungan Bank dan telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak pembeli dan penjual.

3. RUKUN DAN SYARAT-SYARAT

3.1 Rukun-rukun dan syarat-syarat "Al-Murabahah"

		Rukun	Syarat-Syarat
	1.	Penjual & Pembeli	• Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman. • Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan. • Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis)
	2.	Subjek pertukaran	• Mestilah wujud ketika 'aqad jualbeli diadakan. • Mestilah yang bernilai, bermanfaat dan halal. • Mestilah mampu, boleh atau berupaya untuk diserahkan kepada pembeli. • Tidak boleh terdiri daripada barang-barang ribawi yang sama 'illah. • Mestilah diketahui secara jelas dan tepat oleh penjual dan pembeli subjek pertukaran iaitu barangan dan harga/nilai (wang tunai). • Mestilah hakmilik penjual dan tidak disandarkan sebagai cagaran / jaminan / gadaian. Jika disandarkan sebagai cagaran / jaminan / gadaian, maka kebenaran pemegang cagaran / jaminan / gadaian adalah diperlukan.
	3.	'Aqad iaitu penawaran (Ijab) & Penerimaan (Qabul)	• Mestilah berlaku 'aqad iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (lafaz), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan. • Mestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaan. • Mestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabah. • Mestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaan. • Mestilah tawaran merujuk kepada perkara / subjek yang dikontrakkan dan memenuhi syarat-syaratnya.

2.2 "Al-Wakalah" yang bermaksud perwakilan. Ia merujuk kepada kontrak yang memberikan kuasa kepada seseorang atau syarikat untuk bertindak bagi pihak yang memberi kuasa.

3.2 Rukun-rukun dan syarat-syarat "Al-Wakalah":

		Rukun	Syarat-Syarat
	1.	Wakil & Orang yang mewakil	• Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman. • Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan. • Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis) • Perlakuan tersebut adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan.
	2.	Perkara yang diwakil	• Hendaklah dinyatakan dengan jelas oleh orang yang mewakil semasa 'aqad. • Perbuatan tersebut hendaklah dibenarkan oleh Syara'. • Sah mewakili sesuatu perkara yang berkaitan muamalat kepada orang lain walaupun orang tersebut mampu melakukannya sendiri. Tidak sah mewakili dalam perkara solat, puasa dan mengambil wudu'.
	3.	'Aqad iaitu penawaran (Ijab) & Penerimaan (Qabul)	• Mestilah berlaku 'aqad iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (lafaz), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan. • Mestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaan. • Mestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabah. • Mestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaan. • Mestilah tawaran merujuk kepada perkara / subjek yang dikontrakkan dan memenuhi syarat-syaratnya.

2.3 "Bai' Wadhi'ah" yang bermaksud harga jualan lebih rendah dari harga modal. Ia merujuk kepada akad jual beli dimana harga jualan adalah kurang (diskaun) daripada harga asal yang dibeli.

3.3 Rukun-rukun dan syarat-syarat "Bai' Wadhi'ah" :

		Rukun	Syarat-Syarat
	1.	Penjual & Pembeli	• Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman. • Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan. • Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis)
	2.	Subjek pertukaran	• Mestilah wujud ketika 'aqad jualbeli diadakan. • Mestilah yang bernilai, bermanfaat dan halal. • Mestilah mampu, boleh atau berupaya untuk diserahkan kepada pembeli. • Tidak boleh terdiri daripada barang-barang ribawi yang sama 'illah. • Mestilah diketahui secara jelas dan tepat oleh penjual dan pembeli subjek pertukaran iaitu barangan dan harga/nilai (wang tunai). • Mestilah hakmilik penjual dan tidak disandarkan sebagai cagaran / jaminan / gadaian. Jika disandarkan sebagai cagaran / jaminan / gadaian, maka kebenaran pemegang cagaran / jaminan / gadaian adalah diperlukan.
	3.	'Aqad iaitu penawaran (Ijab) & Penerimaan (Qabul)	• Mestilah berlaku 'aqad iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (lafaz), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan. • Mestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaan. • Mestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabah. • Mestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaan. Mestilah tawaran merujuk kepada perkara / subjek yang dikontrakkan dan memenuhi syarat-syaratnya.

4. MODUS OPERANDI

1. Pelanggan memohon pembiayaan MCash dibawah konsep Tawarruq di Bank A, dan menandatangani Surat Tawaran dimana Pelanggan melantik (Wakalah) Bank B sebagai wakilnya untuk:
   (i) menyempurnakan pembelian (membeli komoditi daripada Bank A);
   (ii) dan menjual komoditi kepada Pedagang Kedua.

2. Bank A membeli komoditi daripada Pedagang Pertama secara harga tunai.

